

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KUKUM 2003

Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kali kedua pada 28 April 2004 yang lalu bertempat di Dewan Sivik, Arau. DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Pemangku Raja Perlis dan DYTM Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah, Raja Puan Muda Perlis telah berkenan mencemar duli untuk hadir di majlis ini sambil diringi oleh para jemputan lain yang terdiri dari pembesar negeri, dif-dif kehomat dan seluruh kakitangan KUKUM. Upacara perasmian majlis telah disempurnakan sendiri oleh DYMM Tuanku Syed Faizuddin yang juga merupakan Canselor KUKUM.

Pada majlis anugerah kali ini, seramai 13 orang telah dipilih untuk menerima anugerah utama iaitu Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan seramai 21 orang telah dipilih dari pelbagai jabatan di KUKUM untuk menerima Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang. Lima orang lagi telah dipilih untuk menerima Anugerah Khas Staf.

Para penerima anugerah ini telah dinilai berdasarkan beberapa kriteria untuk melayakkan mereka menerima ketiga-tiga anugerah tersebut. Untuk Anugerah Perkhidmatan cemerlang, ia terbuka kepada staf sama ada secara tetap, sementara atau kontrak dan telah berkhidmat bagi tempoh genap setahun pada hari terakhir tahun penilaian. Bagi Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang, ia akan diberi kepada staf tetap dan sambilan yang telah berkhidmat mulai tempoh dari 1 Januari 2003 sehingga 31 Disember 2003 dan bagi Anugerah Khas Staf pula, ia akan diberikan kepada staf tetap dan sambilan yang telah memberi sumbangan aktif dan cemerlang dalam bidang tertentu seperti sukan, kebajikan, sosial dan lain-lain. Disamping itu kriteria utama yang diambil kira ialah mencapai tahap kualiti kerja yang tinggi serta jasa yang telah dicurahkan kepada pembangunan di peringkat jabatan mahupun KUKUM.

DYMM Tuanku Canselor dan DYTM Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah masing-masing sekali lagi telah berkenan mencemar Duli untuk menyampaikan anugerah kepada penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang. Sementara Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM telah diberi penghormatan untuk menyampaikan anugerah bagi kategori Anugerah Khas Staf.

Majlis pada malam itu juga diselang-selikan lagi dengan pelbagai persembahan kebudayaan serta hiburan yang disertai oleh kakitangan dan pelajar KUKUM. Artis undangan Waheeda turut diundang sama bagi memeriahkan lagi majlis pada malam itu.



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Senarai Penerima :

Prof. Madya Dr. Zuraidah Mohd. Zain
Jabatan Canselori

Jamali Md. Sah
Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Pembuatan

Yufridin Wahab
Pusat Kerjasama Industri

Nasrudin Abdul Shukor
Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Saufiah Abdul Rahim
Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik

Atikah Hj. Awang
Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Pembuatan

Mohamad Ezral Baharudin
Pusat Kejuruteraan

Sharmila Saidin
Jabatan Pendaftar

Ruzalina Ibnu Ruslan
Jabatan Pendaftar

Normala Khamis
Jabatan Bendahari

Fatimah Shaari
Jabatan Perpustakaan

Irdawati Darus
Jabatan Canselori

Haslenda Razali
Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Ahmad Farez Ahmad Fizri
Jabatan Pendaftar

Mohamad Shabudin Mohamad Noor
Jabatan Pendaftar

Norazvira Hida Azhar
Jabatan Bendahari

Razaidi Hussin
Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik

Jeganathan a/l Kanusamy
Jabatan Perpustakaan

Othman Lah
Unit Keselamatan

Mar Ayu Mohd. Nasir
Unit Keselamatan

Shafie Jusoh
Unit Keselamatan

Mohd. Nazrul Abdul Karim
Jabatan Canselori

Rosiswardi Rusli
Pusat Kejuruteraan

Mahamad Akmal Saad
Pusat Kejuruteraan

Zainol Abidin Ramli
Pusat Kejuruteraan

Wan Abdul Rahman Assyahid Wan Ibrahim
Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Pembuatan

Sazali Othman
Jabatan Pembangunan

Rosfarizal Abdul Manan
Jabatan Pembangunan

ANUGERAH KHAS STAF

Mohd. Nazri Mohd. Noor
Pusat Pengajian Komputer dan Perhubungan

Razali Alias
Unit Keselamatan

Phang Keng Chew
Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan

Najdawati Mohd. Fadzil
Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Abdul Razak Din
Unit Keselamatan

ANUGERAH KHAS PERKHIDMATAN CEMERLANG

Senarai Penerima :

Prof. Madya Dr. Ismail Daut
Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik

Shamshul Bahar Yaakob
Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Ustaz Hassan Arshad
Unit Agama Islam

Mejar (B) Hj. Bakri Hamid
Unit Keselamatan

Ir. Abdul Ghapar Ahmad
Jabatan Pembangunan

Shahrizam Abd. Rahim
Jabatan Pendaftar



Disediakan Oleh: Muhammad Najib Othman

